

10/11/1998

Abrar nafi terbabit

KUALA LUMPUR, Isnin - Kumpulan Abrar hari ini menafikan syarikat itu terbabit dalam gerakan reformasi anjuran penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengerusi Eksekutifnya, Dr Wan Muhamad Hasni Wan Sulaiman, berkata kumpulan itu sentiasa menyokong kerajaan dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini adalah pendirian kami pada masa lalu, sekarang dan masa depan. Kami juga menafikan sama sekali pembabitan syarikat ini sama ada dalam bentuk gabungan, perhubungan atau sokongan dengan gerakan reformasi yang diwujudkan golongan tertentu di negara ini.

"Kami bukan sebahagian daripada gerakan itu dan tidak bersetuju dengan sebarang usaha untuk mengganggu kestabilan kerajaan yang ada," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kenyataan dua muka surat itu dikeluarkan bagi pihak Abrar Group International Sdn Bhd, Abrar Corporation Berhad dan semua anak syarikat serta syarikat bersekutu kumpulan itu.

Sehubungan itu, Dr Wan Muhamad Hasni berkata, Kumpulan Abrar mengutuk kegiatan bekas Pengarah Eksekutif Abrar Group International Sdn Bhd, Dr Abdul Rahim Ghouse, yang mengkritik pucuk pimpinan negara ini.

Beliau yang juga bekas Naib Ketua Pemuda Umno Kelantan, menyifatkan tindakan Dr Abdul Rahim itu bertentangan dengan dasar kumpulan syarikat berkenaan serta tidak boleh dimaafkan.

Dr Abdul Rahim yang juga bekas Ketua Pemuda Umno Permatang Pauh, meletakkan semua jawatan dalam Kumpulan Abrar mulai 18 September lalu. Dr Abdul Rahim dan Dr Wan Muhamad Hasni juga dipecat daripada Umno.

Ketika dihubungi di pejabatnya di sini, petang ini pula, Dr Wan Muhamad Hasni berkata, beliau menyerahkan kepada pucuk pimpinan Umno bagi membuat keputusan berhubung kedudukannya yang dipecat daripada parti itu.

(END)